

# Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-47



BURSA MALAYSIA BERHAD

No. Pendaftaran 197601004668 (30632-P)

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016)

**DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA** Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") ke-47 Bursa Malaysia Berhad ("Syarikat") akan diadakan pada hari Selasa, 26 Mac 2024 pada jam 10.00 pagi dari Aras Bawah, Bangunan Annexe, Bursa Malaysia Berhad, Exchange Square, Bukit Kewangan, 50200 Kuala Lumpur, Malaysia ("Lokasi Utama") dan secara maya melalui laman sesawang TIIH Online di <https://tiih.online> ("Platform Dalam Talian") untuk pelaksanaan urusan-urusan berikut:

## Urusan Biasa

- |  |                   |
|--|-------------------|
| 1. Untuk menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 berserta laporan-laporan Lembaga Pengarah dan Juruaudit yang berkaitan dengannya.  | <b>Resolusi 1</b> |
| 2. Untuk melantik semula Datuk Muhamad Umar Swift yang bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 18.4 Perlembagaan Syarikat dan oleh kerana layak, menawarkan diri untuk dilantik semula.  |                   |
| Cik Chong Chye Neo yang juga bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 18.4 Perlembagaan Syarikat, telah menyatakan hasrat untuk tidak menawarkan diri untuk dilantik semula di AGM ke-47 ini. Oleh itu, beliau akan mengekalkan jawatan hingga penutupan AGM ke-47. |                   |
| 3. Untuk melantik semula Cik Tan Ler Chin yang bersara mengikut Artikel 18.11 Perlembagaan Syarikat dan oleh kerana layak, menawarkan diri untuk dilantik semula.  | <b>Resolusi 2</b> |
| 4. Untuk meluluskan pembayaran yuran para Pengarah berjumlah RM300,000 setahun bagi Pengerusi Bukan Eksekutif dan RM200,000 setahun bagi setiap Pengarah Bukan Eksekutif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.  | <b>Resolusi 3</b> |
| 5. Untuk meluluskan pembayaran manfaat kepada Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif berjumlah sehingga RM2,000,000 bermula 27 Mac 2024 hingga AGM Syarikat tahun yang berikutnya.   | <b>Resolusi 4</b> |
| 6. Untuk melantik Tetuan Ernst & Young PLT sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi menetapkan imbuhan mereka.  | <b>Resolusi 5</b> |
| 7. Untuk melaksanakan urusan-urusan lain yang mana notis sewajarnya telah diberikan menurut Akta Syarikat 2016 dan Perlembagaan Syarikat.  |                   |

**DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA** bagi tujuan menentukan ahli yang layak untuk menghadiri AGM ke-47 ini, pihak Syarikat akan meminta Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd menurut Artikel 15.9 Perlembagaan Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung bertarikh 19 Mac 2024. Hanya pendeposit yang namanya tersenarai dalam Rekod Pendeposit bertarikh 19 Mac 2024 sahaja yang layak untuk menghadiri mesyuarat ini atau melantik proksi untuk menghadiri dan/atau mengundi bagi pihaknya.

## MENURUT PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

Yong Hazadurah binti Md Hashim (LS 0006674) SSM PC No. 202008003707  
Izreen Fara binti Ismail (MAICSA 7056436) SSM PC No. 202008002411  
Setiausaha-setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur  
27 Februari 2024